

9 JAN 1996

CUEPACS BERI ANUGERAH TERTINGGI KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Cuepacs hari ini menyampaikan anugerah "Negarawan Teladan Berwawasan" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menghargai jasa beliau terhadap pembangunan ekonomi negara serta menaikkan martabat Malaysia di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Agung Cuepacs, A.H Ponniah ketika membaca anugerah itu di Konvensyen ke 20 Cuepacs di sini berkata, Dr Mahathir merupakan seorang negarawan yang telah banyak berusaha menjadikan negara ini kukuh terutama daripada segi ekonomi dan perpaduan kaum.

Beliau berkata visi serta dasar yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir telah banyak membawa perubahan positif terutama pandangan masyarakat dunia terhadap rakyat serta negara.

"Dr Mahathir telah banyak memperkenalkan Malaysia kepada dunia sebagai sebuah negara yang berwawasan dan berpandangan jauh dalam menuju abad ke 21," katanya.

Beliau berkata, dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti pengswastaan dan dasar industri berat merupakan pandangan jauh Dr Mahathir untuk membolehkan negara ini bersaing dalam dunia antarabangsa yang semakin mencabar.

Atas hakikat itu, katanya, Majlis Kongres Cuepacs membuat keputusan bahawa Dr Mahathir merupakan orang yang paling layak untuk menerima anugerah tertinggi kesatuan sekerja itu. -- BERNAMA